

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**SEMPENA MAJLIS KERAIAN PENERIMAAN ANUGERAH Y.BHG.**  
**DATO' NAIB CANSELOR & KUMPULAN LATIHAN**  
**KELANASISWA MALAYSIA**  
**DI DEWAN SERBAGUNA KUBANG GAJAH**  
**PADA HARI SABTU, 16 JULAI 2011.**

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berbahagia, Encik Razli Ahmad, Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni,

Yang Berbahagia, Pengarah Pusat Kokurikulum UniMAP, Encik Ahmad Fahmi Mahamood,

Yang Berbahagia Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum UniMAP, Tuan Syed Zulkarnain Syed Idrus,

Barisan pentadbiran Pusat Kokurikulum UniMAP,

Jurulatih-jurulatih Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM) UniMAP, seterusnya para pelajar KLKM UniMAP.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Pengakap.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadhrat Allah SWT, kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita sama-sama berkumpul di majlis keraian sempena penganugerahan pada pagi ini.

Sesungguhnya, penganjuran aktiviti sebegini bukan sahaja dapat mengeratkan silaturrahim dikalangan kita semua, tetapi dapat juga kita merasa syukur di atas nikmat pemberian Tuhan kepada kita.

***Kalau pergi Tanjung Keramat,  
Anak manis jangan diangkat,  
Bersama kita memohon rahmat,  
Moga majlis mendapat berkat.***

Dikesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada Pusat Kokurikulum UniMAP kerana sudi mengadakan majlis ini bagi meraikan anugerah-anugerah yang diterima oleh KLKM iaitu “Anugerah Kecemerlangan Kokurikulum Berkredit Terbaik” pada Majlis Anugerah Gemilang Siswa 2010 yang diadakan beberapa bulan yang lalu.

Saya sendiri telah dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Gemilang (PPG) oleh Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) yang telah disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin di Istana Melawati, Putrajaya pada 15 Mac 2011. Selain itu, Tuan Syed Zulkarnain Syed Idrus, Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum UniMAP dan juga Pesuruhjaya Negeri KLKM UniMAP telah dianugerahkan Sijil Kepujian Ketua Pengakap Negara di majlis yang berasingan pada bulan Mei yang lalu.

Penganugerahan ini adalah satu pengiktirafan dan juga sumbangan kita terhadap aktiviti kepengakapan yang diberi oleh PPM. Saya percaya, para pelajar juga boleh menerima anugerah sedemikian melalui kepengakapan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Usia KLKM kini menjangkau tiga tahun, di mana kumpulan pertama bakal bergraduat pada tahun ini. Pada awal penubuhannya pada bulan Jun 2008, KLKM hanya mempunyai sekitar 55 orang ahli sahaja, dan kini angka ahlinya telah mencecah lebih daripada 200 orang termasuk para pelajar Tahun 1 yang baru sahaja menyertainya. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan seperti menyertai Jambori HINEX Ke-9, Jambori HINEX Ke-10, Jambori Pengakap 1 Belia 1 Malaysia, 1st ECROM 2010, Kursus Kepimpinan Manikayu, Bantuan Bencana Banjir / Gotong-Royong (CSR) dan lain-lain.

Kursus sebegini menerapkan nilai-nilai murni dan sahsiah dalam diri para pelajar. Anda diberi penerapan agar membina kemahiran insaniah ”softskills” yang akan menjadi nilai tambahan ”value-added” selain daripada ilmu yang anda perolehi.

Kursus yang sedang anda ikuti ini iaitu Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM) adalah di bawah Teras Kesukarelawanan seperti mana yang disarankan di dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSTPN). Malah, semua kursus-kursus Badan Beruniform seperti PALAPES, SUKSIS, Pertahanan Awam, Briged Bomba dan Penyelamat, BSMM, Pandu Puteri Siswi dan St. John Ambulans Malaysia berada di bawah teras yang sama.

Untuk makluman anda, Pusat Kokurikulum UniMAP bakal memperkenalkan kursus baharu iaitu Kor SISPA (Siswa Pertahanan Awam) bagi pelajar ijazah dan akan diletakkan di dalam Teras Kesukarelawanan. Kursus tersebut akan dilatih oleh pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPAM).

Pasukan Palapes Darat UniMAP juga akan mengembangkan lagi sayapnya di mana Palapes Udara dan Palapes Laut akan ditubuhkan tidak lama lagi. Pusat Ko-Kurikulum kini sedang dalam proses untuk menubuhkan kedua-dua pasukan palapes yang baru ini dan menunggu kelulusan rasmi daripada Kementerian Pertahanan Malaysia.

Anak didik yang saya kasihi sekalian,

Tidak kira apa jua kursus Badan Beruniform yang anda ceburi, setiap uniform mempunyai ciri-ciri dan keistimewaannya yang tersendiri. Namun, ianya sejajar dengan misi universiti agar melahirkan modal insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara.

Saya juga ingin menyeru kepada saudara saudari sekalian agar merebut setiap peluang yang disediakan oleh pihak universiti melalui Pusat Ko-Kurikulum bagi mempertingkatkan lagi kemahiran insaniah melalui kursus dan aktiviti yang dijalankan sepanjang setiap semester kerana kemahiran insaniah ini adalah merupakan faktor yang amat penting kepada para pelajar untuk lebih berjaya di dalam bidang pekerjaan kelak.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pusat Kokurikulum UniMAP di atas anjuran majlis ini.

***Pohon berangan tempat bertemu,  
Girangnya rasa tidak terkira,  
Baliklah tuan membawa ilmu,  
Binalah bangsa bangunkan negara.***

Dengan itu, saya akhiri ucapan saya dengan Wabilahi taufik  
walhidayah                    wassalamualaikum                    warahmatullah  
hiwabarakatuh dan sekian terima kasih.